

Soalan 1

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 1 Program pembacaan itu diadakan untuk memupuk budaya membaca sejak dari bangku sekolah.
A sejak daripada bangku sekolah
B sejak pada bangku sekolah
C sejak di bangku sekolah
D sejak dari bangku sekolah

Soalan 2 – 4

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 2 Di zaman teknologi moden ini, manusia perlu
A melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu
B pengetahuan agar tidak ketinggalan dalam
C arus pemodenan. Tiada kesalahan.
D
- 3 Ibu bapa yang prihatin terhadap pelajaran
A anak-anak akan meluangkan masa untuk
B memeriksa kerja sekolah yang telah disiapkan
C oleh anak-anak mereka. Tiada kesalahan.
D
- 4 Perkembangan teknologi komunikasi dan
A maklumat yang serba canggih membolehkan
B murid meneroka berbagai ilmu yang mudah.
C Tiada kesalahan.
D

Soalan 5 – 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Kebahagiaan sesebuah keluarga akan menjamin kejayaan seseorang murid dalam bidang akademik.
II Strategi pembelajaran yang berkesan akan membuahkan hasil pembelajaran yang cemerlang.
III Seseorang yang ingin berjaya hendaklah sentiasa berfikiran positif.
IV Kejayaan di dalam pelajaran akan menjamin masa depan yang cerah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 6 I Guru digalakkan mempraktikkan e-pembelajaran.
II Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menerapkan kepentingan ilmu kepada anak-anak.
III Penggunaan Internet boleh mendatangkan keburukan jika tidak dikawal dan dipantau rapi.
IV Orang yang berilmu dapat memajukan diri di samping negara pada masa depan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 7

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 7 Mazlina berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa dalam mempelajari sesuatu perkara kerana dia yakin bahawa
A kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
B alah membeli menang memakai.
C biar lambat asalkan selamat.
D malu bertanya sesat jalan.